

Agong Mencemar Duli ke Majlis Makan Malam

Tahun Baru Cina 2022 LBS Bina Group

Nuansa Kemewahan di Tahun Harimau

Petaling Jaya, 7 Februari 2022 – Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli pada Majlis Makan Malam bersempena Tahun Baru Cina anjuran syarikat pemaju hartanah terkemuka, LBS Bina Group Berhad ("LBS") di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada hari ke lima Tahun Baru Cina. Kebawah DYMM turut diiringi KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran beberapa orang menteri kabinet termasuk Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa & Industri, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kewangan, YB Tengku Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan. Acara di majlis tersebut dimulakan dengan penuh tradisional yang sinonim dengan perayaan Tahun Baru Cina iaitu persembahan gendang dan tarian singa. Majlis tahun ini turut dihadiri seramai hampir 250 tetamu dengan norma baharu dan pematuhan prosedur operasi standard yang ketat (SOP).

Tan Sri Lim Hock San merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran Yang Di-Pertuan Agong di mana menurut beliau ini merupakan pengiktirafan tertinggi bagi LBS. "Sambutan Tahun Baru Cina kali ini sangat berbeza, di mana kita menyambutnya dalam keadaan norma baharu dan bagi keluarga Lim, ini merupakan kali pertama ianya disambut tanpa pengasas dan bapa tercinta kami, mendiang Dato' Seri Lim Bock Seng. Kehadiran Yang Di-Pertuan Agong di majlis makan malam ini merupakan satu penghormatan. Saya percaya Yang Di-Pertuan Agong telah membentuk sebuah negara yang harmoni dengan perpaduan budaya yang kukuh dalam

kalangan rakyat berbilang kaum. Sambutan perayaan ini semestinya memberikan kami sebuah permulaan yang baik dengan nuansa kemewahan kepada LBS di tahun Harimau.”

-Tamat-